



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MEMPERKUKUH INSTITUSI KELUARGA"

17 September 2021 / 10 Safar 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>١</sup> الْقَائِلْ:

وَمَنْ عَاءَكُمْ هُنَّ أَنفُسُكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْتَكُمْ مَوَدَّةً

وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذَكْرٌ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ<sup>٢</sup>

(Surah Ar-Rum ayat 21)<sup>٣</sup>

Maksudnya: Dan antara tanda-tanda (kebesaran) Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untuk mu daripada jenis mu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan antara mu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi yang berfikir.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>٣</sup> وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا أَيْمَانَ الْمُسْلِمُونَ، أُوصِنُوكُمْ وَإِيَّا يِ بِتَقْوَى اللَّهِ<sup>٤</sup> فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan Nya, mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan insan yang sentiasa mendapat rahmat, petunjuk serta keredhaan Ilahi baik di dunia begitu juga di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "MEMPERKUKUH INSTITUSI KELUARGA".

Manusia dicipta dan dihidupkan di muka bumi ini dengan tujuan untuk beribadah selaras dengan firman Allah SWT dalam ayat 56, surah az-Zariyat:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat Al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah Ku.

Beribadah kepada Allah meliputi setiap perkara yang mendapat keredaan llahi. Berpandukan ayat 21, Surah Ar-Rum, Allah melengkapkan ciptaan manusia secara berpasang-pasangan, untuk menenteramkan jiwa agar berkasih sayang antara satu sama lain. Hubungan pasangan yang berkasih sayang itu, ditautkan dengan ikatan perkahwinan. Islam mentafsirkan perkahwinan sebagai ibadah, sunnah yang banyak kelebihan dan besar hikmahnya.

Dalam masyarakat timur, terutama dalam budaya orang Melayu, perkahwinan bukan sahaja menyimpulkan tali kasih antara dua insan, tetapi menghubungkan dua keluarga agar terbina keluarga yang lebih besar, di samping melebarkan hubungan silaturahim antara dua kampung, dua mukim atau dua masyarakat. Kerana itu, perkahwinan antara dua insan dihebahkan, diraikan secara bermasyarakat dalam majlis yang melambangkan keriangan dan mencerminkan kesyukuran, yang dihadiri oleh ahli keluarga, jiran tetangga serta rakan kenalan.

Perkahwinan menjadi asas membentuk keluarga. Keluarga ialah komponen penting untuk membina masyarakat, dan seterusnya membangunkan negara. Tanpa perkahwinan tidak akan terbentuk institusi keluarga, tanpa institusi keluarga, tidak akan terbina institusi masyarakat, dan tanpa institusi masyarakat tidak akan terbangun sebuah negara. Oleh itu Islam meletakkan perkahwinan dan institusi keluarga berperanan amat penting untuk membina sebuah masyarakat yang sempurna dan selanjutnya untuk membangunkan sebuah negara yang lengkap.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Mutakhir ini, kes perceraian dilaporkan semakin meningkat; meningkat dengan kadar dan angka yang sangat merisaukan. Pada penghujung Ogos tahun ini, sebuah akhbar melaporkan, bagi tempoh Januari 2020 hingga Jun 2021, sebanyak 71,806 kes perceraian direkodkan berlaku di Mahkamah-mahkamah Syariah di negara ini; bermakna dalam tempoh 18 bulan tersebut, secara purata, seramai 132 pasangan Islam bercerai setiap hari. Jika keadaan ini berlarutan, secara purata, setiap tahun, hampir 50,000 perkahwinan akan berakhir dengan penceraian; bermakna secara purata juga, jika setiap pasangan yang bercerai mempunyai dua atau tiga orang anak, setiap tahun, seramai seratus ribu ke seratus lima puluh ribu orang anak akan menjadi mangsa perceraian.



Perceraian tidak hanya meninggalkan kesan sosial dan emosi kepada suami dan isteri. Kesan sosial dan kesan emosi turut menimpa anggota kedua-dua keluarga, dan mangsa paling malang yang terpaksa menghadapi tekanan emosi paling tinggi ialah anak-anak, terutama anak-anak yang masih berusia terlalu muda. Apabila ibu dan bapa bercerai, berkecailah hati anak-anak yang tidak berdosa; mereka terpaksa melalui dunia penghidupan yang ibu bapa mereka sudah hidup berpisah, pada usia mereka sangat memerlukan bimbingan dan belaian kasih sayang, di bawah bumbung yang sama, daripada kedua-duanya. Anak-anak akan menghadapi trauma, menghadapi tekanan emosi dan pengalaman pahit lagi dahsyat yang tidak tertanggung oleh mereka, apatah lagi dalam kalangan mereka yang berusia terlalu muda.

Pengalaman yang lebih menakutkan anak-anak, apabila mereka pula menjadi bahan rebutan, antara ibu bapa untuk mendapatkan hak penjagaan, selepas berlakunya perceraian. Pengalaman-pengalaman pahit turut dipaksakan kepada anak-anak, apabila mahkamah memutuskan mereka diberikan hak penjagaan kepada ibu atau bapa yang bukan menjadi pilihan mereka, atau ada kalanya mereka terpaksa terpisah dengan kakak, abang atau adik; lebih menakutkan jika mereka dipaksa mengubahsuai penghidupan dengan ibu atau ayah tiri atau saudara tiri yang tidak melakukan keadilan terhadap diri mereka. Anak-anak yang menjadi mangsa perceraian akan berada dalam satu kekosongan ketika membandingkan nasib malang mereka dengan anak-anak jiran tetangga serta rakan-rakan sekolah dan rakan-rakan sepermainan yang mempunyai ibu dan bapa yang hidup dalam rukun damai.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Keluarga bahagia ialah keluarga yang ahli keluarganya hidup dalam suasana rukun dan riang, terhindar daripada perkara-perkara negatif dan terlindung daripada hasutan syaitan. Pembentukan keluarga bahagia memerlukan peranan dan kerjasama semua ahli rumah, dengan mengamalkan sifat-sifat berkasih sayang, mesra dan bersopan, saling menghormati, saling menghargai, saling membantu; menerima hakikat bahawa manusia bersifat lemah, tidak sempurna dan cenderung melakukan kesilapan; oleh itu amat penting diamalkan dalam keluarga sifat-sifat bersabar, bertolak ansur, maaf memaafi dan saling berterima kasih.

Seyogia ditegaskan bahawa Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang wajib diperkuuhkan. Malangnya, tuntutan kehidupan hari ini yang terlalu mencabar dan begitu menekan, terutama untuk memenuhi keperluan asas harian, telah menjadikan kerukunan alam berumah tangga, lantas mengancam kelangsungan



institusi keluarga. Oleh itu mimbar, menarik perhatian kepada tujuh perkara untuk direnungkan dalam hasrat dan usaha mahu membantu memperkuuhkan institusi keluarga:

**Pertama:** Perceraian merupakan racun yang sangat berbisa bagi jiwa anak-anak, perceraian meruntuhkan institusi keluarga dan hendaklah dielakkan.

**Kedua:** Menerima hakikat bahawa tekanan kewangan untuk menampung keperluan keluarga, menyebabkan wanita perlu bekerja, sedangkan pada masa yang sama, wanita diperlukan memenuhi tanggungjawab isteri dan ibu sebaik sampai di rumah. Keadaan ini meletakkan wanita melalui keletihan fizikal dan keletihan mental yang sangat memerlukan simpati dan persefahaman suami dan ahli keluarga.

**Ketiga:** Perlunya para isteri mengimbangi tanggungjawab terhadap pekerjaan dengan perasaan serta keperluan suami, anak-anak dan anggota keluarga di rumah.

**Keempat:** Pihak-pihak yang berkaitan, merangkumi institusi agama, jawatankuasa dan pegawai masjid, memberikan perhatian untuk mengenal pasti sebab musabab sebenar yang menjadi punca kepada perceraian.

**Kelima:** Ahli-ahli keluarga yang lebih tua memainkan peranan mengambil tanggungjawab membantu mendamaikan pasangan yang sedang menghadapi perselisihan.

**Kenam:** Memikirkan langkah-langkah lebih berkesan untuk mengubati penyakit sosial ini, termasuk mengkaji semula keberkesanan pendekatan dan kaedah khidmat nasihat yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam dan agensi-agensi lain kepada pasangan yang menghadapi masalah kekeluargaan.

**Ketujuh:** Menilai semula keberkesanan lalu melakukan pengubahsuaian pendekatan, kaedah dan kandungan kursus pra-perkahwinan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
 وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
 لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلْءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ، وَمِلْءَ مَا بَيْنَهُما وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتْقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الْمَنِىٰ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>9</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ وَالْفَلْفَلَ بَيْنَ  
 قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِنْتُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
 اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا فِي رُؤُسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحَنَّ، وَالْفِتَنَّ، مَا  
 ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَّ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَاعِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

**Ya Allah,** berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah,** berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

**Ya Allah,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
 فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ  
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
 نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.